



JURNAL LINGUISTIK Vol. 23 (1) Jun 2019 (001-015)

Penguasaan Sebutan Kata Adjektif Bahasa Jepun Dalam Kalangan Pelajar Cina Di Sebuah IPTA Malaysia

Ng Chwee Fang

chweefang@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia

Tarikh dihantar : 2 Mac 2019

Received

Tarikh diterima untuk diterbitkan : 11 Jun 2019

Accepted

Tarikh diterbitkan dalam talian : 30 Jun 2019

Published online

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau penguasaan sebutan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Cina di sebuah institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Seramai 40 orang pelajar Cina yang mengikuti Kursus Kemahiran Bahasa Jepun Tahap III telah dipilih sebagai responden kajian ini. Mereka merupakan pelajar Cina yang berlatar belakang bahasa Cina, iaitu berpendidikan di Sekolah Rendah Kebangsaan Cina ketika berada pada tahap sekolah rendah. Secara umumnya, pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Cina dikatakan lebih mudah jika dibandingkan dengan pelajar bukan Cina. Ini kerana tulisan Kanji bahasa Jepun berasal dari tulisan aksara Cina, Hanzi (Wang, 1995). Malahan, sesetengah sebutan bahasa Jepun mirip dengan sebutan bahasa Cina sedangkan mereka berkongsi aksara Cina yang sama. Satu ujian menulis telah diberi kepada responden untuk menterjemahkan kata adjektif bahasa Inggeris kepada bahasa Cina dan bahasa Jepun. Untuk membanding sebutan kedua-dua bahasa Cina dan bahasa Jepun, responden dikehendaki menulis jawapan dalam sebutan 汉语拼音 (Hànyǔ Pīnyīn) bagi bahasa Cina manakala sebutan ローマ字 (Romaji) bagi bahasa Jepun. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa keputusan responden bagi menjawab dalam sebutan bahasa Jepun adalah lemah jika dibanding dengan menjawab dalam sebutan bahasa Cina. Untuk membuktikan sama ada terdapatnya perbezaan yang signifikan antara menjawab soalan dalam sebutan Cina dan sebutan Jepun, analisis Ujian T (*Paired Sample T-Test*) telah dijalankan. Setelah data kajian dianalisis dengan menggunakan Ujian T dalam program perisian SPSS, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan yang signifikan antara penguasaan sebutan Cina dan sebutan Jepun. Dapatan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa pengetahuan bahasa Cina tidak membantu pelajar Cina dalam pembelajaran bahasa Jepun seperti yang dijangkakan. Malahan, perbezaan sebutan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut telah menyumbang kepada permindahan negatif (*negative transference*) semasa mempelajari sebutan bahasa Jepun oleh pelajar Cina. Di sini terbukti teori Lado yang menegaskan bahawa "...unsur-unsur yang sama dengan bahasa natif akan menjadi mudah bagi pelajar, manakala unsur-unsur yang berbeza akan menyulitkan pelajar..." (1957: 2).

Kata kunci: Penguasaan; sebutan Jepun; pelajar Cina; *Hanyu Pinyin*; *Romaji*

Mastery of Japanese Adjectives of Chinese Students in A Malaysian Institute of Higher Learning

Abstract

The study was conducted to examine the mastery of Japanese pronunciation among the Chinese students at a Malaysian public institution of higher learning. A total of 40 Chinese students who attended the Japanese Language Course Level III were selected as the respondents of this study. They are Chinese students who are based in Chinese language, who are educated at Chinese Primary School when they are in elementary school level. In general, Japanese language learning among Chinese students is said to be easier compared to non-Chinese students. This is because the Japanese Kanji writing is derived from Chinese characters, Hanzi (Wang, 1995). On top of that, some Japanese pronunciation is similar to Chinese pronunciation since both languages share the same Chinese characters. A written test was given to the respondents to translate English adjectives into Chinese and Japanese. To compare the pronunciation of both Chinese and Japanese, respondents are required to write an answer in 汉语拼音 (Hànyǔ Pīnyīn) for Chinese language while ローマ字 (Romaji) for Japanese language. The findings show that the respondents are weak in answering in Japanese pronunciation if compared with answering in Chinese pronunciation. To prove whether there was a significant difference between answering questions in Chinese and Japanese pronunciation, the Paired Sample T-Test analysis was conducted. After the data were analyzed by using Paired Sample T-Test in the SPSS software program, the findings showed that there was a significant difference between Chinese pronunciation and Japanese pronunciation. The findings also show that Chinese language knowledge does not help Chinese students in Japanese language learning as expected. In fact, the difference in pronunciation in both languages has contributed to negative transference during the learning of Japanese pronunciation by the Chinese students. Here, the Lado theory which states that "... the same elements of the native language will be easy for the students, while different elements will make it difficult for students ..." (1957: 2) has been proven by this research.

Keywords: Mastery; pronunciation of Japanese; Chinese students; *Hanyu Pinyin*; *Romaji*

1. Pengenalan

Kepentingan menguasai bahasa asing adalah aset penting pada masa kini (Zaitul Azma, Normahdiah dan Norizan Che, 2013). Antara bahasa-bahasa asing, bahasa Jepun merupakan salah satu pilihan yang agak *popular* dalam kalangan pelajar Cina. Secara umumnya, penguasaan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Cina dikatakan lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar bukan Cina. Ini kerana tulisan Kanji dalam bahasa Jepun berasal dari tulisan aksara Cina, Hanzi (Wang, 1995). Daripada kira-kira 10,000 aksara Cina yang terdapat dalam bahasa Jepun, jumlah aksara Cina yang diguna pakai harian hanya dalam lingkungan 2000 hingga 3000 sahaja (Xu, 2012). Pada tahun 2010, kerajaan Jepun telah mengumumkan sebanyak 2131 aksara Cina sebagai aksara Cina yang biasa diguna dalam *New Commonly Used Chinese Character List* ekoran daripada penggubalan yang telah dibuat pada tahun 1981, yang hanya terdapat 1945 aksara Cina yang sedia ada dalam senarai tersebut (Xu, 2014). Penambahan aksara Cina dalam senarai tersebut telah memperluaskan lagi penggunaan aksara Cina dalam bahasa Jepun.

Lado dalam bukunya, *Linguistics Across Cultures*, menjelaskan bahawa unsur yang sama dengan bahasa natif akan menjadi mudah bagi pelajar, manakala unsur yang berbeza akan menyulitkan pelajar (1957:2). Dengan kata lain, penguasaan bahasa Jepun adalah lebih memuaskan dalam kalangan pelajar Cina kerana tulisan Kanji Jepun (漢字) bukan sahaja berasaskan tulisan Cina, Hanzi (汉字), malahan sesetengah sebutan kepada leksikal bahasa Jepun adalah berdasarkan sebutan bahasa Cina dan sebutannya mirip dengan sebutan bahasa Cina. Contoh-contoh perkataan adalah ditunjuk seperti Jadual 1.

Jadual 1: Perkataan Jepun yang mempunyai makna yang sama dan juga berkongsi sebutan yang lebih kurang sama

Tulisan Cina	Sebutan	
	Cina	Jepun

便利 (mudah/ senang)	biànlì	benri
有名 (terkenal)	yǒumíng	yuumei
安全 (selamat)	ānquán	anzen
料理 (masakan)	liàolǐ	ryouri

Seperti yang ditunjuk dalam jadual tersebut, contoh perkataan “便利 (mudah/ senang)”, ia disebut sebagai “便利(biànlì)” dalam bahasa Cina manakala disebut sebagai “便利 (benri)” dalam bahasa Jepun. Kedua-dua bahasa ini mempunyai tulisan Cina yang sama yang membawa maksud yang sama, dan juga berkongsi sebutan yang lebih kurang sama. Ini juga berlaku kepada contoh-contoh seperti perkataan “有名(terkenal)”, “安全 (selamat)” dan “料理 (masakan)”.

Selain itu, terdapat juga perkataan Jepun yang mempunyai makna yang sama dan juga berkongsi sebutan yang hampir sama tetapi dengan tulisan Cina yang berbeza sedikit. Contohnya, sebutan perkataan “telefon” dalam kedua-dua bahasa ini boleh dikatakan agak mirip di mana ia disebut sebagai “电话 (diànhuà)” dalam bahasa Cina manakala disebut sebagai “電話 (denwa)” dalam bahasa Jepun. Sama juga dengan perkataan “senang/ tidak susah”, sebutannya dalam kedua-dua bahasa itu boleh dikatakan hampir sama di mana ia disebut sebagai “简单 (jiǎntān)” dalam bahasa Cina manakala disebut sebagai “簡単 (kantan)” dalam bahasa Jepun. Yang membezakan kedua-dua perkataan ini ialah tulisan Cina yang digunakan oleh bahasa Cina adalah aksara Cina yang dipermudahkan, iaitu 简体中文, ia dikenali sebagai tulisan *Simplified Chinese*, manakala bahasa Jepun menggunakan aksara Cina tradisional, iaitu 繁體中文, dikenali sebagai tulisan *Traditional Chinese*.

Memandangkan tulisan Kanji Jepun (漢字) bukan sahaja berasaskan tulisan Cina, iaitu Hanzi (汉字), malahan sesetengah sebutan kepada leksikal bahasa Jepun adalah berdasarkan sebutan bahasa Cina dan mirip dengan sebutan bahasa Cina, secara tidak langsung ini akan memudahkan penguasaan sebutan perkataan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Cina. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan sebutan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Cina tidak sebaik seperti yang dijangkakan.

2.Sorotan Literatur

Dong (2012) dan Xiao (2013) telah menjalankan kajian mengenai sebutan tulisan Kanji Jepun. Menurut Dong dan Xiao, sebutan tulisan Kanji Jepun mempunyai hubungan rapat dengan bahasa Cina kerana bentuk tulisan Kanji Jepun bukan sahaja berasal dari sistem tulisan Hanzi Cina, malahan sebutannya banyak dipengaruhi oleh sebutan bahasa Cina, terutamanya sebutan Cina kuno. Contohnya, perkataan “山 (bukit)”, ia disebut sebagai “shān” dalam bahasa Cina manakala disebut sebagai “san” dalam bahasa Jepun. Perkataan “苦 (pahit)”, ia disebut sebagai “kǔ” dalam bahasa Cina manakala disebut sebagai “ku” dalam bahasa Jepun. Perkataan “不安(tidak selesa)”, ia disebut sebagai “bù’ān” dalam bahasa Cina manakala disebut sebagai “fuan” dalam bahasa Jepun. Sebutan Kanji Jepun boleh dikatakan mempunyai sebutan yang sama atau hampir sama dengan sebutan bahasa Cina. Dan banyak lagi tulisan Kanji Jepun yang memiliki sebutan bahasa Cina sejak abad ke-5 apabila bahasa Cina disebarkan ke Jepun. Walau bagaimanapun, terdapat juga tulisan Kanji yang disebut dengan mengikut cara sebutan bahasa Jepun sendiri. Oleh yang demikian, Dong (2012) berpendapat bahawa pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan pelajar China akan menjadi lebih mudah sekiranya pelajar China dapat menguasai corak biasa (*regular pattern*) sebutan Jepun kepada bentuk tulisan yang sama dalam kedua-dua bahasa tersebut. Satu kajian mengenai kesilapan pelajar China dalam sebutan bahasa Jepun telah dibuat oleh Ba (2005). Dapatan kajian Ba telah menunjukkan pelajar China cenderung membuat kesilapan dalam sebutan bahasa Jepun bagi sesetengah tulisan Jepun walaupun tulisan Jepun berasaskan tulisan Cina dan berkongsi sifat-sifat yang sama dengan tulisan Cina. Ba berpendapat bahawa perkataan yang sama dalam kedua-dua bahasa itu merupakan gangguan yang menyebabkan pelajar China keliru terhadap sebutannya di mana

permindahan negatif (*negative transference*) telah berlaku semasa mempelajari bahasa Jepun. Terdapatnya bentuk tulisan Cina yang sama dalam kedua-dua bahasa tetapi sebutannya berbeza. Contohnya, perkataan Cina “降 (jiàng)”, bermaksud “menurun”. Apabila responden China disuruh membaca perkataan Jepun “降る (furu)”, beliau mendapati bahawa sebahagian besar daripada responden telah memindah sebutan bahasa Cina “降 (jiàng)” kepada sebutan bahasa Jepun dan membacanya sebagai “jyanru”, yang sepatutnya dibaca sebagai “furu” dalam bahasa Jepun. Sama juga dengan perkataan Cina, “頭痛 (tóu tòng)”, iaitu “sakit kepala”. Apabila responden China disuruh membaca perkataan “頭痛 (tóu tòng)” dalam bahasa Jepun, responden silap membacanya sebagai “とうつう (toutsuu)”. Ini kerana responden China telah memindahkan sebutan Cina “tóu” kepada sebutan bahasa Jepun dan membacanya sebagai “toutsuu”, yang sepatutnya dibaca sebagai “zutsuu” dalam bahasa Jepun.

Ba (2005) juga menerangkan dengan lebih lanjutnya bahawa sesetengah tulisan Cina mempunyai sebutan yang berbeza-beza dalam konteks yang berlainan dalam bahasa Jepun. Contoh yang diambil dari kajiannya, “頭 (kepala)”. Tulisan *Traditional Chinese* untuk “kepala” ialah “頭 (tou)”, iaitu sama dengan tulisan Kanji Jepun “頭”. Akan tetapi, tulisan Kanji Jepun “頭” akan mempunyai sebutan yang berbeza-beza iaitu “とう (tou)”, “あたま (atama)” dan “ず (zu)” dalam konteks yang berlainan. “Sakit kepala (頭痛)” sepatutnya dibaca sebagai “ずつう (zutsuu)” dan bukannya “とうつう (toutsuu)” ataupun “あたまつう (atama tsuu)”. Inilah sebab berlakunya kekeliruan pelajar China apabila disuruh memberi sebutan kepada perkataan tersebut dalam bahasa Jepun.

Di samping itu, terdapatnya bentuk tulisan Cina yang hampir-hampir sama dalam kedua-dua bahasa tetapi dengan sebutan yang berbeza. Contohnya, perkataan “siapa” ditulis sebagai “誰” dalam bahasa Cina dan “誰” dalam bahasa Jepun. Kedua-dua perkataan tersebut mempunyai rupa bentuk yang hampir-hampir sama, iaitu ia ditulis dalam tulisan *Simplified Chinese* dalam bahasa Cina manakala ditulis dalam tulisan *Traditional Chinese* dalam bahasa Jepun. Akan tetapi, perkataan tersebut mempunyai sebutan yang berlainan walaupun berkongsi perkataan yang sama. Ia akan disebut sebagai “誰 (shuí)” dalam bahasa Cina dan 誰 (dare) dalam bahasa Jepun. Menurut Ba, tulisan Kanji Jepun biasanya salah disebut oleh pelajar China kemungkinan besar juga disebabkan oleh pengaruh dialek orang China itu sendiri. Satu kajian mengenai sistem fonetik kedua-dua bahasa ini telah dijalankan oleh Lu (2005). Beliau telah membuat perbandingan antara sistem fonetik bahasa Cina dengan bahasa Jepun secara keseluruhannya. Perbezaan-perbezaan tersebut dapat diringkaskan seperti Jadual 2.

Jadual 2: Perbandingan sistem fonetik bahasa Cina dengan bahasa Jepun

No.	Kriteria	B. Cina	B. Jepun
1.	vokal e (ɤ), ü (y) -i (ɿ)	√	x
2.	Bunyi gelungan konsonan zh (tʂ), ch (tʂʰ), sh (ʂ) dan r (ʐ).	√	x
3.	Bunyi lelangit j(tɕ), q(tɕʰ) dan x (ɕ).	√	x
4.	Bunyi konsonan l	Dibaca sebagai (l)	Dibaca sebagai (r)
5.	Bunyi senggau -ng	Dibaca sebagai (ŋ)	Boleh dibaca sebagai (n), (ŋ), (m) dan (N) mengikut keadaan tertentu.
6.	Intonasi dan nada	Terdapat 4 nada yang diwakili oleh 4 tanda diakritik yang berbeza iaitu 1. yīngshēng 阴声 (-), 2. yángshēng	Dipanggil asento (アクセント) dan tidak diwakili sebarang simbol tetapi pembacaan sebutan mengikut keadaan tertentu.

		阳声 (/), 3. shǎngshēng 上声 (∨) dan 4. qùshēng 去声 (\).	
7.	Tanda pengasing (‘) untuk memberhentikan dua suku kata apabila satu suku kata seterusnya bermula dengan a, o atau e.	√	x
8.	Pemanjangan nada.	x	√

Wang (2016) pula membuat kajian mengenai perbandingan *homograph* antara bahasa Cina dan bahasa Jepun, dan juga pembelajaran bahasa Cina dalam kalangan pelajar Jepun. *Homograph* adalah perkataan yang berkongsi bentuk tulisan yang sama tetapi mempunyai makna yang berbeza. Wang berpendapat bahawa pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar Jepun tidaklah sebaik seperti yang dijangkakan. Ini kerana bentuk tulisan yang dikongsi dalam kedua-dua bahasa tersebut bukan sahaja mempunyai makna yang berbeza, malahan juga mempunyai sebutan yang berlainan. Menurut Wang (2016), daripada 2500 aksara Cina yang biasa diguna pakai harian, sejumlah 359 merupakan *homograph* yang terdapat dalam bahasa Cina moden itu sendiri. Ini bermaksud perkataan yang mempunyai pelbagai sebutan telah menyumbang 14.4% daripada jumlah keseluruhan dalam bahasa Cina. Fenomena ini mengelirukan penutur natif, iaitu orang China itu sendiri, apatah lagi bagi pelajar Jepun yang mempelajari bahasa Cina, sedangkan bahasa Jepun juga berkongsi bentuk tulisan yang sama dengan bahasa Cina. Wang (2016) tidak menafikan bahawa kesulitan yang sama juga akan berlaku kepada pelajar China yang belajar bahasa Jepun. Dalam kajian Wang, dia telah membuat perbandingan *homograph* Cina-Jepun dan juga telah mencadangkan beberapa strategi untuk memudahkan pelajar Jepun dalam pembelajaran bahasa Cina.

Dalam hal ini, kajian mengenai *homographs* Cina-Jepun telahpun dibuat oleh pengkaji Jepun, Abu Shintarou lebih awal lagi pada tahun 2009. Menurut dapatan kajiannya, *homographs* Cina-Jepun yang mempunyai makna dan sebutan yang berlainan dijangka akan merangkumi kira-kira 70% daripada jumlah aksara Cina yang biasa diguna pakai harian Jepun dan ia akan dimasukkan dalam *New Commonly Used Chinese Character List* oleh kerajaan Jepun pada 2010 (Abu, 2009).

Bagi kajian mengenai pembelajaran bahasa Jepun oleh pelajar Cina pula, Lado (1957) telah mengetengahkan ideologinya iaitu pelajar akan berasa lebih senang untuk mempelajari bahasa sasaran sekiranya terdapat persamaan yang ketara antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran manakala pembelajaran bahasa sasaran akan menjadi susah sekiranya terdapat perbezaan antara kedua-dua bahasa itu. Namun, pandangan ini bukan sahaja ditolak oleh ahli linguistik Barat seperti Teemant (1977) dan Jackson (1981), ia juga dinafikan oleh ahli linguistik negara China seperti Wang (1995), Le (1996), Li (1996) dan Zhang (1997). Sebaliknya, mereka berpendapat bahawa perbezaan yang ketara antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran akan memudahkan pembelajaran dan kecenderungan melakukan kesilapan dalam bahasa sasaran adalah rendah manakala persamaan antara kedua-dua bahasa itu akan memberi kekeliruan dan pelajar lebih cenderung membuat kesalahan.

Lado (1957) juga berpendapat bahawa seseorang individu akan memindah bentuk dan makna bahasa serta budaya natifnya kepada bahasa dan budaya asingnya dengan sengaja ataupun tidak sengaja. Pemindahan (*transference*) ini akan membantu dalam pembelajaran bahasa asing

sekiranya ia adalah selari dan dapat diterima oleh budaya dan bahasa asingnya itu. Sebaliknya, ia akan menjadi satu gangguan (*interference*) sekiranya ia adalah bercanggah dan tidak dapat diterima oleh budaya dan bahasa asingnya.

Brown (2007:104) mempunyai pandangan yang sama seperti Lado. Beliau telah mendefinisikan *transfer* sebagai istilah biasa yang menyifat proses pemindahan performans atau pengetahuan terdahulu kepada pembelajaran yang kemudiannya. Pemindahan positif akan memanfaatkan pembelajaran yang kemudiannya manakala pemindahan negatif, iaitu yang dirujuk sebagai gangguan (*interference*) akan mengganggu pembelajaran yang kemudiannya.

Selinker (1966:83) telah menjalankan kajian permindahan (*transfer*) terhadap bahasa Inggeris budak sekolah Israel. Beliau mendapati bahawa terdapat 3 jenis transfer seperti yang ditunjuk di bawah. Ketiga-tiga *transfer* itu jelas menampakkan “pengaruh” bahasa natif dalam pembentukan ayat kepada bahasa asingnya, bahasa Inggeris.

i. Pemindahan positif: tidak terdapatnya sebarang kesilapan dalam pemindahan dari bahasa natif kepada bahasa asing sedangkan kedua-dua bahasa mempunyai ciri yang sama dan selari.

ii. Pemindahan negatif: terdapatnya kesilapan dalam pemindahan dari bahasa natif kepada bahasa asing kerana penyimpangan dari norma bahasa asing telah berlaku.

iii. Pemindahan neutral: pemindahan tersebut kadang-kala dianggap sebagai kesilapan dan kadang-kalanya tidak dengan mengikut keadaan yang tertentu.

Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu:

1. Menghuraikan dan menjelaskan ciri-ciri yang membezakan kata adjektif bahasa Jepun dan bahasa Cina dari segi sebutan.
2. Menghubungkan teori Pemindahan (*transference*) Lado dengan pembelajaran kata adjektif bahasa Jepun oleh pelajar Cina.

3. Metodologi

Dalam kajian ini, seramai 40 orang pelajar Cina di sebuah institusi pengajian tinggi awam Malaysia yang mengambil kursus Kemahiran Bahasa Jepun III telah dipilih sebagai responden kajian. Responden terbatas kepada pelajar Cina yang berlatar belakang bahasa Cina, iaitu penutur jati (*native speaker*) bahasa Cina yang berpendidikan di Sekolah Rendah Kebangsaan Cina apabila berada pada tahap sekolah rendah. Pelajar Cina yang bukan berlatar belakang bahasa Cina dan juga pelajar bukan Cina yang berlatar belakang bahasa Cina tidak diambil sebagai sampel demi keseragaman kriteria sampel dan juga ketepatan dapatan kajian.

Responden diminta menulis sejumlah 20 jawapan dengan menterjemahkan 10 kata adjektif bahasa Inggeris kepada bahasa Jepun dan bahasa Cina. Kata-kata adjektif yang dikemukakan itu merupakan kata adjektif yang terkandung dalam silibus kursus kemahiran bahasa Jepun responden. Untuk membanding sebutan kedua-dua bahasa Jepun dan bahasa Cina, responden dikehendaki menulis jawapan dalam sebutan 汉语拼音 (Hànyǔ Pīnyīn) bagi bahasa Cina manakala sebutan *Romaji*, ローマ字 bagi bahasa Jepun. Ujian T (*Paired Sample T-Test*) digunakan untuk mengenal pasti perbezaan antara tahap penguasaan responden dalam sebutan kedua-dua bahasa tersebut dan perbandingan yang dibuat melalui Ujian T adalah seperti dalam perbincangan dapatan kajian.

4. Analisis Data dan Dapatan Kajian

Untuk mengenal pasti dan membanding kemahiran responden dalam sebutan kedua-dua bahasa tersebut, bilangan kesilapan jawapan responden telah direkod seperti yang ditunjuk dalam Jadual 3.

Jadual 3: Bilangan kesilapan jawapan responden dalam penguasaan kata adjektif dari segi sebutan (N = 40)

Bilangan kesilapan jawapan	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	Min	Sp
	Hanyu Pinyin (B. Cina)												
Bil responden	5	10	6	8	2	2	2	-	-	-	5	3	3
(%)	12.5	25	12	20	5	5	5	-	-	-	12.5		
	Romaji (B. Jepun)												
Bil responden	2	3	5	5	1	5	8	4	2	3	2	5	3
(%)	5	7.5	12.5	12.5	2.5	12.5	20	10	5	7.5	5		

Jadual 3 memperlihatkan butiran terperinci mengenai keputusan kesemua 40 orang responden dalam menterjemahkan KA bahasa Inggeris kepada sebutan dalam bahasa Cina dan bahasa Jepun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bagi menjawab soalan mengenai sebutan Hanyu Pinyin bahasa Cina, terdapat 5 orang (12.5%) responden telah berjaya menjawab semua soalan dengan betul dan 5 orang (12.5%) responden pula gagal menjawab semua soalan dengan betul. Seramai 10 orang (25%) responden melakukan satu kesilapan sahaja apabila menjawab soalan mengenai sebutan Hanyu Pinyin bahasa Cina.

Bagi menjawab soalan mengenai sebutan Romaji bahasa Jepun pula, terdapat 2 orang (5%) responden yang berjaya menjawab semua soalan dengan betul dan 2 orang (5%) responden gagal menjawab semua soalan dengan betul. Hanya 2 orang (5%) responden yang berjaya menjawab semua soalan dengan betul bagi sebutan Romaji bahasa Jepun berbanding dengan 5 orang (12.5%) bagi sebutan Hanyu Pinyin bahasa Cina. Keadaan yang sama berlaku kepada bilangan responden yang gagal menjawab semua soalan dengan betul bagi kedua-dua sebutan tersebut. Terdapat 8 orang (20%) responden melakukan 6 kesilapan jawapan manakala terdapat seorang (2.5%) responden sahaja yang melakukan 4 kesilapan jawapan daripada 10 soalan ujian itu.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya perbezaan yang signifikan antara menjawab soalan dalam sebutan bahasa Cina dengan sebutan dalam bahasa Jepun, analisis *Paired Sample T-Test* telah dijalankan seperti yang ditunjuk dalam Jadual 4.

Jadual 4: T-Test untuk perbandingan antara sebutan bahasa Cina dengan bahasa Jepun. (N = 40)

	Min	t	Sp (p)	Kesimpulan
B. Cina : Hanyu Pinyin	3.15	-2.94	0.00	Terdapat perbezaan signifikan
B. Jepun : Romaji	4.90			

Setelah diuji dengan *Paired Sample T-Test*, didapati bahawa fenomena perbezaan ketara ($p < 0.05$) pada keputusan ujian sebutan Hanyu Pinyin dalam bahasa Cina dan sebutan Romaji dalam bahasa Jepun. Ujian T-Test menunjukkan min bagi bilangan kesilapan jawapan mengenai sebutan bahasa Cina, Hanyu Pinyin adalah (3.15), iaitu lebih rendah daripada min bagi bilangan kesilapan jawapan mengenai sebutan bahasa Jepun, Romaji iaitu (4.90). Ini bermakna secara keseluruhannya, daripada 10 soalan yang ditanya, responden gagal menjawab 3 soalan dengan betul bagi sebutan bahasa Cina manakala 5 soalan bagi sebutan bahasa Jepun. Kesimpulannya, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa responden adalah lebih mahir dalam sebutan Hanyu Pinyin bagi bahasa Cina jika dibandingkan dengan sebutan dalam Romaji bagi bahasa Jepun.

5. Perbincangan

Seperti yang dibincangkan, tulisan Cina yang terdapat dalam bahasa Jepun, iaitu tulisan Kanji (漢字) merupakan sistem tulisan yang berasal dari tulisan Hanzi (汉字) bahasa Cina. Biasanya, tanpa mengambil kira jenis tulisan 简体中文, iaitu *Simplified Chinese (SC)* atau tulisan 繁體中文, iaitu *Traditional Chinese (TC)* yang digunakan, kira-kira 70% tulisan Hanzi Cina dan tulisan Kanji Jepun berkongsi makna yang sama (Wang, 1995). Walaupun terdapat persamaan dalam bentuk tulisan aksara Cina kedua-dua bahasa tersebut, namun ia tidak merupakan satu kelebihan pelajar Cina dalam mempelajari bahasa Jepun dari segi sebutan. Penguasaan sebutan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Cina tidak sebaik seperti yang dijangkakan. Menurut kajian Ba (2005), salah satu perbezaan antara tulisan Hanzi Cina dengan tulisan Kanji Jepun ialah bentuk tulisan aksara Cina yang membawa makna sama tetapi disebut dengan sebutan yang berbeza dalam bahasa masing-masing. Perbezaan sebutan ini merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kekeliruan dan kesulitan pembelajaran bahasa Jepun oleh pelajar Cina ataupun sebaliknya. Pendek kata, orang Cina yang berlatar belakang bahasa Cina akan memahami dan dapat mengagak maksud tulisan Kanji Jepun apabila membacanya. Akan tetapi, mereka akan menghadapi masalah sebutan kepada tulisan Kanji Jepun kerana sebutan bagi bahasa Cina dan bahasa Jepun adalah berbeza. Perbezaan ini dapat dilihat seperti yang di bawah:

Sebutan bahasa Cina mempunyai tona yang berlainan dan masing-masing diwakili oleh tanda diakritik yang berbeza

Setiap tulisan aksara Cina, 汉字 (Hànzì) mempunyai sebutan bunyi tersendiri yang dapat dibaca dengan sistem sebutan 汉语拼音 (Hànyǔ Pīnyīn) dalam bahasa Cina. *Hanyu Pinyin* merupakan sistem sebutan kepada tulisan *Hanzi* yang menggunakan huruf Rumi. Ia merupakan sistem perumian bahasa Cina baku (Zhao, 2009). Pembentukan sebutan *Hanyu Pinyin* adalah terdiri daripada gabungan konsonan, vokal dan tona. Terdapat 4 tona yang diwakili oleh tanda diakritik masing-masing dalam sebutan *Hanyu Pinyin* iaitu yīnshēng 阴声 (-), yángshēng 阳声 (/), shǎngshēng 上声 (∨) dan qùshēng 去声 (\). Contohnya, “baik”. Perkataan “baik” disebut sebagai hǎo dan hǎo merupakan *Hanyu Pinyin* kepada tulisan *Hanzi*, 好. *Hanyu Pinyin* kepada hǎo ini terbentuk daripada gabungan konsonan (h), vokal (ao) dan tona yang ke-3, (∨). Di samping itu, sesetengah aksara Cina memiliki lebih daripada satu sebutan, dan sebutan yang berbeza akan memberi maksud yang berlainan. Contohnya, aksara Cina 好, ia memiliki dua sebutan, iaitu “hǎo” dengan tona ketiga, dan “hào” dengan tona keempat. Apabila dibaca dengan tona ketiga, 好(hǎo), ia merupakan kata adjektif dan memberi maksud “baik”. Apabila dibaca dengan tona keempat pula, 好(hào), ia merupakan kata kerja dan memberi maksud “suka atau gemar”.

Nada neutral bagi sebutan bahasa Cina

Selain terdapat 4 nada yang dibincangkan, nada *neutral* merupakan sebutan *Hanyu Pinyin* yang tidak ditandakan dengan tanda diakritik. Ia dibaca dengan nada yang lembut dan pendek. Contohnya, cantik. Perkataan “cantik, 漂亮” disebut sebagai “piàoliang” di mana perkataan “亮(liang)” merupakan tona neutral yang tidak mempunyai tanda diakritik dan dikehendaki menyebut dengan nada yang lembut dan pendek. Biasanya, nada *neutral* ini terdapat pada partikel-partikel seperti “kah, 吗 (ma)”, “lah, 啦 (la)”, “呢 (ne)” dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tidak semua KA bahasa Cina mempunyai nada semulajadi (*neutral*). Nada *neutral* ini tidak berlaku pada sistem sebutan bahasa Jepun.

Bacaan Onyomi (音読み) dan Kunyomi (訓読み) bagi tulisan Kanji dalam bahasa Jepun

Sebutan tulisan Kanji Jepun bergantung kepada penyebaran tulisan Cina dari negara China ke Jepun pada zaman tertentu dan mengikut daerah tertentu. Menurut Mi dan Liu (2004), penyebaran tulisan Cina ke Jepun pada zaman yang berbeza telah memberi sebutan yang berlainan, iaitu sebutan 吳音 (wúyīn) pada abad ke-5 dan abad ke-6, 漢音 (hànyīn) pada abad ke-7 dan abad ke-8, dan 唐音 (tángyīn) pada abad ke-10 sehingga abad ke-15. Secara ringkasnya, sebutan-sebutan tersebut sememangnya merupakan sebutan asal dari tulisan Cina, iaitu Hanzi (汉字) pada zaman-zaman yang tertentu.

Terdapat 2 jenis cara bacaan bagi tulisan Kanji bahasa Jepun, iaitu *Onyomi* (音読み) dan *Kunyomi* (訓読み). *Onyomi* adalah cara membaca tulisan aksara Cina dengan sebutan Cina seperti mana ia diperkenalkan (Li, 2005). Menurut laman web *Wikipedia* (2018), *Onyomi is the modern descendant of the Japanese approximation of the base Chinese pronunciation of the character at the time it was introduced*. Contohnya, “terkenal”. Perkataan “terkenal” ditulis sebagai “有名” dan kedua-dua bahasa itu berkongsi satu tulisan Cina yang sama. Justeru itu, baik bahasa Cina mahupun bahasa Jepun mempunyai sebutan yang sama ataupun hampir sama. Sebutan *Onyomi* bahasa Jepun bagi perkataan “terkenal, 有名” dibaca sebagai (yuumei). Cara bacaan ini merupakan cara membaca perkataan tulisan Cina dengan mengikut sebutan bahasa Cina di mana “terkenal, 有名” disebut sebagai (yǒuming) dalam bahasa Cina. Sebutan kepada kedua-dua bahasa tersebut adalah hampir sama.

Terdapat juga cara membaca tulisan aksara Cina dengan sebutan bahasa Jepun tersendiri tanpa mengambil kira sebutan bahasa Cina, iaitu *Kunyomi* (Li, 2005). Menurut laman web *Wikipedia* (2019), *Kunyomi is a reading based on the pronunciation of a native Japanese*. Contohnya, “berat”. Walaupun kedua-dua bahasa berkongsi satu perkataan Cina yang sama, iaitu 重 dalam bahasa Cina dan 重い dalam bahasa Jepun, akan tetapi sebutannya adalah berbeza. Sebutan cara *Kunyomi* bagi tulisan gabungan Kanji dengan *Hiragana*, 重い ialah (omoi) di mana tulisan aksara Cina tersebut dibaca dengan mengikut sebutan bahasa Jepun sendiri dan bukannya mengikut sebutan bahasa Cina, iaitu 重 (zhòng).

Oleh itu, bagi tulisan Kanji yang dibaca dengan menggunakan cara *Onyomi*, sebutan bahasa Jepun akan mengikut dan berkongsi sebutan yang sama ataupun hampir sama dengan sebutan bahasa Cina bagi perkataan aksara Cina yang sama. Manakala bagi tulisan Kanji yang dibaca dengan menggunakan cara *Kunyomi*, tulisan aksara Cina yang sama akan mempunyai sebutan yang berlainan dengan sebutan bahasa Cina kerana perkataan itu dibaca mengikut sebutan bahasa Jepun itu sendiri.

Bunyi panjang bagi sebutan bahasa Jepun

Dalam sistem sebutan Jepun, vokal panjang dibunyikan dengan dua mora atau dua kali lebih panjang daripada vokal biasa (Yamato, 2006). Terdapatnya cara-cara tertentu untuk menulis vokal panjang dalam Hiragana. Untuk melambangkan vokal panjang dalam suku kata yang berakhir dengan u, iaitu く (ku), す (su), つ (tsu), ぬ (nu), ふ (fu), む (mu), ゆ (yu) dan る (ru), maka vokal う (u) ditulis selepas suku kata tersebut. Contohnya, perkataan ‘terkenal’ ditulis sebagai けうめい dan disebut sebagai (yuumei) di mana suku kata (yuu) dibunyikan dengan dua mora atau dua kali lebih panjang daripada vokal biasa. Walau bagaimanapun, bunyi panjang ini tidak ada pada sistem sebutan *Hanyu Pinyin* bahasa Cina.

Kesilapan Jawapan Responden

Seperti yang ditunjukkan dalam dapatan kajian, responden adalah lebih mahir dalam sebutan 汉语拼音 (Hànyǔ Pīnyīn) bahasa Cina jika dibandingkan dengan sebutan dalam *Romaji* bagi bahasa Jepun. Berdasarkan jawapan yang diberi oleh responden dalam ujian, kesilapan-kesilapan responden dapat dianalisis dan dirumuskan seperti yang di bawah.

Sebutan Cina dalam *Hanyu Pinyin*

Responden gagal menterjemahkan KA bahasa Inggeris dalam sebutan 汉语拼音 (Hànyǔ Pīnyīn) bahasa Cina dengan betul. Ini berlaku mungkin disebabkan

- i. responden tidak tahu sebutan *Hanyu Pinyin* kepada KA bahasa Cina dengan menulis perkataan ‘tidak tahu’ dalam ruangan jawapan yang disediakan ataupun
- ii. responden salah tulis atau tidak pasti sebutan yang betul kepada KA bahasa Cina ataupun
- iii. responden memberi ejaan *Hanyu Pinyin* yang salah ataupun memberi ejaan *Hanyu Pinyin* yang betul tetapi dengan tanda diakritik yang salah.

Kesilapan responden (ii - iii) adalah ditunjuk dalam Jadual 5.

Jadual 5 : Kesilapan jawapan responden dalam sebutan bahasa Cina

No.	Kata Adjektif	Sebutan 汉语拼音 (Hànyǔ Pīnyīn)	
		Jawapan betul	Kesilapan jawapan responden
1.	heavy	zhòng	zhong zhóng
2.	late	chí	chi chī (makan) cí
3.	young	niánqīng	nianqing niánqīng niǎnqīng niénqīng niánqīn liánchīng
4.	far	yuǎn	yuan yūan yuán
5.	famous	yǒumíng	youming yóumíng yōumíng youming youmin
6.	delicious	měiwèi	meiwei měiwei méiwèi mēiwèi
7.	blue	lán	lan lǎn lān
8.	various	duōyàng	duō duōyàng ge zhong ge yang gè zǒng
9.	bright	míngliàng	liang liang guang

			kwang qīng
10.	dislike	tǎoyàn	taoyan tǎoyèn tào yàn bù xīhuān

Sebutan bahasa Jepun dalam *Romaji*

Responden gagal menterjemahkan KA bahasa Inggeris dalam sebutan *Romaji* bahasa Jepun dengan betul. Ini berlaku mungkin disebabkan

- responden tidak tahu sebutan *Romaji* kepada KA bahasa Jepun dengan menulis perkataan ‘tidak tahu’ dalam ruangan jawapan yang disediakan ataupun
 - responden salah tulis atau tidak pasti sebutan yang betul kepada KA bahasa Jepun ataupun
 - responden memberi sebutan *Romaji* yang betul tetapi dengan bunyi panjang yang salah ataupun memberi bunyi panjang yang betul tetapi dengan ejaan sebutan *Romaji* yang salah.
- Kesilapan responden (ii – iii) adalah ditunjuk dalam Jadual 6.

Jadual 6: Kesilapan jawapan responden dalam sebutan bahasa Jepun

No.	Kata Adjektif	Sebutan ローマ字 (Romaji)	
		Jawapan betul	Kesilapan responden
1.	heavy	omoi	omoshiroi (interesting) omooi ooi omoyi osoi (slow)
2.	late	osoi	ozoi
3.	young	wakai	kawai (cute) owagai warui (bad)
4.	far	tooi	toi ooi toa hoi ooyi toyai tooyi hayai (fast)
5.	famous	yuumei	yumei yume youmei yuimei
6.	delicious	oishii	oishi oyishi oiishi ooishi
7.	blue	aoi	akai (red) okai midori (green)

8.	various	iroiro	iruiru
9.	bright	akarui	wakarui karai (spicy) kirai (dislike) kurai (dark) atarashii (new)
10.	dislike	kirai	warui (bad)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan kesilapan yang dilakukan oleh responden dalam sebutan *Hanyu Pinyin* bahasa Cina lebih kepada penandaan tanda diakritik, iaitu tersalah letak tanda nada kepada ejaan sebutan *Hanyu Pinyin* dan bukannya ketidakpastian responden terhadap sebutan kepada KA bahasa Cina yang telah diterjemahkan itu. Masalah penandaan tanda diakritik yang salah disebabkan ketidakpekaan responden terhadap peraturan-peraturan tanda diakritik *Hanyu Pinyin* ataupun pengaruh sebutan dialek mereka. Contohnya, KA “late (lewat)” yang bersebutan Cina “chi”. Responden silap menjawab dengan memberi sebutannya sebagai “chi” yang tidak bertanda diakritik. Ia tidak memberi apa-apa maksud sekiranya tona yang diwakili oleh tanda diakritik tertentu itu tidak ditanda dengan betul padanya. Terdapat juga jawapan yang berbunyi “chī” yang membawa maksud “makan” diberi oleh responden. Contoh-contoh jawapan tersebut telah menunjukkan ketidakpastian responden terhadap sebutan KA “late (lewat)” dengan tona yang betul dalam bahasa Cina. Walaupun terdapatnya responden yang memberi sebutan yang ditanda dengan tanda diakritik yang betul, iaitu tona ke-2 “cí”, akan tetapi sebutan itu tidak mengikut bunyi konsonan yang betul di mana KA “late (lewat)” sepatutnya harus disebut dengan bunyi gelungan konsonan “ch (tṣʰ)” dan bukannya “c (tsʰ)”. Responden keliru dengan sebutan Cina “ch (tṣʰ)” dan “c (tsʰ)”, kemungkinan besar disebabkan oleh pengaruh dialek masing-masing. Ini kerana tidak terdapatnya bunyi gelungan konsonan “ch (tṣʰ)” dalam dialek Hakka dan Kantonis.

Masalah seperti tidak tahu atau tidak pasti akan sebutan KA bahasa Cina yang sesuai adalah tidak ketara. Hanya terdapat 2 orang (5%) daripada 40 orang responden yang mengisi ruangan jawapan bagi sebutan *Hanyu Pinyin* bahasa Cina dengan ‘tidak tahu’.

Bagi sebutan bahasa Jepun pula, kebanyakan kesalahan berlaku disebabkan responden tidak tahu atau telah lupa akan sebutan bahasa Jepun kepada KA yang ditanya. Ini juga disebabkan kerana bahasa Jepun bukan bahasa ibunda mereka dan KA bahasa Jepun tidak akan diketahui selagi tidak mempelajarinya.

Kesilapan menjawab soalan mengenai sebutan bahasa Jepun berlaku juga disebabkan oleh perkataan aksara Cina yang terdapat dalam bahasa Jepun itu adalah susah ditentukan sama ada ia menggunakan sebutan *Onyomi* mahupun *Kunyomi* selagi tidak dipelajari dan dihafal. Dalam ujian tersebut, daripada 10 soalan KA yang ditanya, 1 KA sahaja yang mengikut sebutan *Onyomi*, iaitu perkataan ‘terkenal’. Perkataan ‘terkenal’, 有名 dibaca sebagai (yōuming) dalam bahasa Cina dan dibaca sebagai (yuumei) dalam bahasa Jepun. Kedua-dua sebutan ini tidak jauh perbezaannya. Walau bagaimanapun, KA yang lain pula adalah menggunakan sebutan *Kunyomi*. Sebutan *Kunyomi* adalah lebih susah kerana ia perlu dipelajari dan dihafal dengan mengikut cara sebutan bahasa Jepun sendiri. Contohnya, KA “bright” yang bersebutan Jepun “akarui”. Didapati pelbagai jawapan diberi oleh responden dan kebanyakan jawapan itu mempunyai sebutan yang agak mirip dengan sebutan “akarui (terang)”, seperti “karai (spicy)”, “kirai (dislike)”, “kurai (dark)” dan sebagainya. Ini telah menunjukkan ketidakpastian responden terhadap sebutan *Kunyomi* bahasa Jepun kepada KA “bright (akarui)” dan cuba memberi sebutan yang mirip dengannya.

Di samping itu, kebanyakan kesilapan jawapan responden bagi menjawab sebutan bahasa Jepun adalah berkisar pada kesilapan pembubuhan bunyi panjang. Contohnya, ‘jauh’. Perkataan

‘jauh’, 遠い dibaca dalam bunyi panjang, iaitu (tooi) kerana terdapat 2 vokal ‘o’ yang berturutan dalam sebutan itu. Akan tetapi, responden tidak menyebutnya dalam sebagai bunyi panjang iaitu (tooi), sebaliknya memberi jawapan (toi). Malahan, bunyi panjang adalah susah ditentukan sekiranya hukum bunyi panjang tidak dipelajari dan dihafal. Didapati juga pelbagai jawapan diberi oleh responden dan kebanyakan jawapan itu mempunyai sebutan yang agak mirip dengan sebutan “tooi (jauh)”, seperti “toi”, “ooi”, “toa”, “hoi”, “ooyi”, “toyoi” dan “tooyoi”. Ini telah menunjukkan ketidakpastian responden terhadap sebutan *Kunyomi* bahasa Jepun kepada KA “far (tooi)”, dan cuba memberi sebutan yang mirip dengannya.

Secara keseluruhannya, penguasaan responden adalah lebih baik dalam sebutan bagi bahasa Cina berbanding dengan sebutan bahasa Jepun. Daripada 10 soalan yang ditanya dalam ujian, responden rata-ratanya hanya melakukan 3 kesilapan bagi sebutan bahasa Cina berbanding dengan sebutan bahasa Jepun, iaitu 5 kesilapan jawapan.

6. Kesimpulan

Walaupun kedua-dua bahasa tersebut berkongsi tulisan aksara Cina yang sama, malahan sesetengah tulisan itu berkongsi sebutan yang sama, tetapi ini tidak mempermudah pembelajaran dan meningkatkan penguasaan KA bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Cina di ITPA tersebut. Ini kerana selain daripada berkongsi sebutan yang sama (atau hampir sama) dengan bahasa Cina, terdapatnya juga sistem sebutan bahasa Jepun itu sendiri kepada tulisan aksara Cina. Kadar perbezaan itu adalah lebih tinggi daripada kadar persamaan sistem sebutan dalam kedua-dua bahasa tersebut. Maka, perbezaan sistem sebutan inilah merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kekeliruan dan kesulitan pembelajaran bahasa Jepun oleh pelajar-pelajar Cina, iaitu bacaan *Onyomi* (音読み) dan *Kunyomi* (訓読み) bagi tulisan Cina dalam sebutan bahasa Jepun. Lebih-lebih lagi, kedua-dua bahasa tersebut bukan berada dalam rumpun bahasa yang sama. Menurut Pabiyah dan Che Radiah (2011), keadaan ini menimbulkan banyak kelainan yang menyebabkan proses pembelajaran menjadi lebih rumit.

Kesimpulannya, Ujian T (Paired Sample T-Test) telah membuktikan bahawa terdapatnya perbezaan antara penguasaan responden dalam sebutan 汉语拼音 (Hànyǔ Pīnyīn) bahasa Cina berbanding dengan sebutan Romaji, ローマ字 bahasa Jepun. Perbezaan antara penguasaan responden dalam sebutan kedua-dua bahasa ini selain disebabkan oleh faktor (1) bacaan *Onyomi* (音読み) dan *Kunyomi* (訓読み) bagi tulisan Cina dalam sebutan Jepun, terdapat juga faktor lain seperti (2) bunyi panjang bagi sesetengah tulisan Cina dalam sebutan bahasa Jepun, (3) sebutan bahasa Cina mempunyai tona yang berlainan dan masing-masing diwakili oleh tanda diakritik yang berbeza bagi tulisan Cina dan (4) tona neutral bagi sesetengah tulisan Cina dalam sebutan bahasa Cina.

Keputusan responden bagi menjawab dalam sebutan bahasa Jepun dalam *Romaji* adalah lemah dan kurang mahir jika dibanding dengan menjawab dalam sebutan bahasa Cina dalam *Hanyu Pinyin*. Daripada jawapan yang diberi oleh responden, ia telah memaparkan berlakunya proses pengangguatan atau pemindahan negatif (*negative transference*) yang diketengahkan oleh Lado memandangkan sistem sebutan bahasa ibundanya, bahasa Cina agak berbeza dan tidak selari dengan sistem sebutan bahasa sasaran, bahasa Jepun di mana terdapatnya percanggahan dan perbezaan antara sebutan KA kedua-dua bahasa tersebut. Pelajar Cina cenderung menggunakan sebutan bahasa Cina untuk membaca perkataan Jepun bagi sesetengah perkataan yang menggunakan sebutan *Onyomi*. Dapatan kajian ini juga telah membuktikan bahawa sebutan dalam bahasa Cina, bahasa ibunda adalah lebih mudah daripada sebutan dalam bahasa asing, iaitu bahasa Jepun walaupun terdapatnya persamaan tertentu dalam kedua-dua bahasa tersebut baik dari aspek sistem tulisan, sebutan, makna mahupun tatabahasa dan budaya. Di sini terbuktilah teori Lado yang menegaskan bahawa “...unsur-unsur yang sama dengan bahasa natif akan menjadi mudah bagi pelajar, manakala unsur-unsur yang berbeza akan menyulitkan pelajar...” (1957: 2).

Penghargaan

Kertas kerja ini pernah dibentangkan di 5th International Language Learning Conference, School of Languages, Literacy and Translation, Universiti Sains Malaysia.

Bibliografi

- Abu, Shintarou. (2009). Ribenren De Hanzi Zhishi - Cong Changyong Hanzi Biao Dao Xin Changyong Hanzi Biao [Japanese Knowledge of Chinese Characters - From "Commonly Used Chinese Character List" to "New Commonly Used Chinese Character List"]. *Journal of International Chinese Language Education*, Volume 2: 43-48.
- Ba, Zhu Shi. (2005). Riyu Xuexizhe De Renzhi Fangshi Yanjiu [A Study of Cognitive Styles of Japanese Learners]. *Journal of Heilongjiang Gaojiao Yanjiu* , Volume 9: 129-130.
- Brown, H. Douglas. (2007). *Principles Of Language Learning And Teaching, Fifth Edition*. New York: Pearson Education.
- Dong, Chun Qin. (2012). Qianxi Riyu Cihui Zhong Hanzi Duyin de Duyin Wenti [Analysis of the Pronunciation of Chinese Characters in Japanese Vocabulary]. *Journal of Caizhi*: 159.
- Jackson, Howard. (1981). *Contrastive Analysis as a Predictor of Errors, with Reference to Punjabi learners of English*. London: Pergamon Press.
- Lado, Robert. (1957). *Linguistics Across Cultures*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Le, Xin Xue. (1996). Lun Guhanyu Yinyun Dui Riyu De Yingxiang [The Influence of Ancient Chinese Phonology on Japanese]. *Journal of Sichuan Waiyu Xueyuan*, Volumn 3: 67-71.
- Li, Jie. (2005). Qiantan Riyu Hanzi de Duyin Yu Xunyin [Onyomi And Kunyomi of Japanese Kanji]. *Journal of Gakushu To Kenkyu*, Volumn 2: 83-87.
- Li, Yue Song. (1996). Cong Hanyu Zhong Guyin Kan Riyu Wuyin Yu Hanyin Zhi Chayi. [The Difference Between Japanese Wu Yin and Chinese from Chinese Ancient Sounds]. *Journal of Waiguoyu*, Volumn 6: 17-20.
- Lu, Bao Yuan. (2005). *Nihongo To Chuugokugo No Taishou Kenkyuu To Chuugokugo Kyouiku* [Comparative Study Of Japanese/ Chinese And The Chinese Language Education]. Beijing: Huayu Jiaoxue Publisher.
- Minna No Nihongo (Elementary1-1). (2002). Tokyo: 3A Corporation.
- Minna No Nihongo (Elementary1-2). (2002). Tokyo: 3A Corporation.
- Mi, Yan Jun and Liu, Jian Jun (2004). Zhongguo Wenhua Zhongxin De Zhuanyi Dui Riyu Duyin De Yingxiang [Influence of Chinese Culture Center's Changing on Japanese Pronunciation from Historical View]. *Journal of Shanxi University (Philosophy & Social Science)*, Volumn 27: 59-61.
- Pabiyah, Toklubok@Hajimaming and Che, Radiah Mezah (2011). Penggunaan Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu Dan Implikasinya Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Linguistik*. Volume 13: 1-16.

Selinker, Larry. (1966). *A Psycholinguistic Study Of Language Transfer*. Georgetown University.

Wang, Bao Tian. (1995). Hanyu Shengmu Yu Riyu Hanzi Duyin De Duiying Guilv [Correspondence Between Chinese Initials And Japanese Kanji Pronunciation]. *Journal of Social Science of Hunan University*, Volumn 9: 114-117.

Wang, Meng Liu (2016). *Master Thesis :Comparison between Homographs in Chinese and Japanese and the Teaching of Chinese as a Foreign Language—Case Study on Chinese Heteronyms*. Hunan,China: Hunan Shifan University.

Wikipedia, *Onyomi and Kunyomi*. (2018). Retrieved from Wikipedia:
[https://en.wikipedia.org/wiki/Kanji#On'yomi_\(Sino-Japanese_reading\)](https://en.wikipedia.org/wiki/Kanji#On'yomi_(Sino-Japanese_reading))

Xiao, Hai Yan. (2013). Shilun Riwen Hanzi Duyin [Japanese Kanji Pronunciation]. *Journal of Xin Xi Bu (Lilun Ban)*, Volumn 8: 82.

Xu, Jing Lei. (2014). Zhongri Changyong Hanzi Yitong Wenti Tantaos [The Similarities And Differences of Commonly Used Chinese Characters Between Chinese And Japanese]. *Journal of Modern Chinese*, Volumn 3: 69-71.

Xu, Xiao Lin. (2012). Riyu Changyong Hanzi Biao Zhong Tongyin Zizu Fenxi [The Analysis Of The Sound Of Using Common Chinese Characters in Japanese]. *Journal of Huaihai Institute Of Technology (Humanities & Social Science Edition)*, Volumn 10: 74-76.

Yamato, Eriko. (2006). *BBJ 2401 Unit 1 - 10/10 Bahasa Jepun 1*. Selangor: Pro-Office Shoppe Sdn Bhd.

Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normahdiah Sheikh Said, Norizan Che Su (2013). Penguasaan Tatabahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Linguistik*, Volume 17(2): 84-90.

Zhang, Sheng Yu. (1997). Cong Riwen Tangyin Kan Mingqingchao Shiqi De Nanjing Guanhua Yu Jiangnan Fangyan Yin [Viewing the Nanjing Mandarin and the Southern Dialect of the Ming and Qing Dynasties from the Japanese Tangyin]. *Journal of Waiyu Jiaoxue* , Volumn 4: 71-77.

Zhao, Jin Ming (2009). Hanyu Pinyin Fangan: Guoji Hanyu Jiaoxue De Jishi [The Chinese Pinyin System Scheme: A Cornerstone of Teaching Chinese As Second Language]. *Journal of Applied Linguistics*, Volumn 4: 99-105.

Biodata

Ng Chwee Fang (PhD), pensyarah kanan dari Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang penyelidikan beliau ialah Perbandingan Bahasa dan Psikolinguistik. Beliau mengajar bahasa Cina sebagai bahasa asing di UPM selama 13 tahun.